

## PENGUASAAN MORFOLOGI BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA DALAM KALANGAN MURID MELAYU SARAWAK

Jamayah Bujang<sup>i</sup> & Fariza Khalid<sup>ii</sup>

<sup>i</sup>(*Pengarang bersama*). Pelajar Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. jamayahbujang09@gmail.com

<sup>ii</sup>Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. fariza.khalid@ukm.edu.my

### Abstrak

Kajian ini memfokuskan penguasaan morfologi (kata ganti nama, kata adjektif, kata majmuk, kata sendi nama, dan kata pemer) dalam kalangan murid Melayu Sarawak. Kajian ini dijalankan di salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di luar bandar Sarawak dengan melibatkan 100 orang murid sebagai sampel kajian. Reka bentuk kajian melibatkan kajian kuantitatif serta analisis dokumen. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini melibatkan kertas ujian penilaian Bahasa Melayu Menengah Rendah, borang soal selidik, serta temu bual bagi proses pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sampel kajian masih lemah dalam penguasaan morfologi dan memerlukan bimbingan berterusan daripada guru bahasa Melayu. Data memperlihatkan pencapaian kata sendi nama berada pada tahap rendah serta diikuti dengan penguasaan kata pemer, kata ganti nama, serta kata majmuk pada tahap sederhana. Manakala, penguasaan kata adjektif berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati punca berlakunya kelemahan dalam menguasai morfologi Bahasa Melayu adalah disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran formal dan komunikasi seharian. Ini disokong oleh guru yang menyatakan bahawa masih terdapat pengaruh bahasa ibunda dalam penulisan murid. Justeru, usaha perlu dipertingkatkan lagi oleh guru dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid bahasa kedua terutama di kawasan luar bandar agar murid tidak ketinggalan dalam penguasaan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat menengah rendah.

Kata kunci: *penguasaan morfologi, kata ganti nama, kata adjektif, kata majmuk, kata sendi nama, kata pemer, bahasa Melayu murid, bahasa kedua menengah rendah*

### 1.0 PENDAHULUAN

Menguasai kecekapan berbahasa bermaksud keupayaan seseorang mengetahui dan menggunakan semua aspek bahasa seperti sebutan, ejaan, istilah, kosa kata dan tatabahasa bagi bahasa tersebut. Bahasa merupakan sistem yang mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam perhubungan komunikasi. Bahasa dapat ditafsirkan sebagai satu cara menyampaikan konsep realiti mereka kepada fikiran orang lain dan merupakan satu kod yang digunakan oleh pakar linguistik untuk membezakan antara bentuk dengan maksud. Tuntasnya, bahasa merupakan satu sistem simbol bunyi yang arbitrari dan melalui bahasa manusia boleh berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Kesalahan berbahasa merupakan pelanggaran kod atau ketidakaturan aspek berbahasa. Corder (1984) mendefinisikan kesalahan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk peraturan. Nik Safiah Karim (1986), mengatakan bahawa pencemaran bahasa adalah penggunaan bahasa yang melanggar peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat. Menurut Lutfi Abas (1987), kesalahan bahasa berpunca daripada faktor kejahilan, falsafah bahasa, gangguan psikologi, budaya bahasa, takrif nahu, teori himpunan, pengaruh dialek dan pengaruh bahasa asing. Berdasarkan definisi di atas, kesalahan berbahasa amat nyata dalam alam persekolahan di Malaysia. Didapati sebilangan murid menghadapi pelbagai masalah dalam menguasai bahasa Melayu. Hal ini diakui oleh Jeniri (2005) yang mengatakan bahawa bahasa Melayu mudah untuk dipelajari, tetapi susah untuk dikuasai. Keadaan ini disebabkan sebahagian murid di negara ini masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka tidak terkecuali masyarakat Melayu Sarawak yang tinggal di luar bandar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kesalahan yang dilakukan oleh murid bukan penutur jati semasa pembelajaran bahasa Melayu dapatlah dianggap sebagai kesulitan yang

dihadapi mereka. Justeru, analisis kesalahan penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutama murid yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kekerapan melakukan kesalahan dalam pembelajaran bahasa Melayu bukan setakat berlaku dalam kalangan pelajar bukan Melayu, malahan dalam kalangan pelajar Melayu sendiri. Keadaan ini telah menjejaskan prestasi bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan dan bahasa ilmu. Keadaan inilah yang berlaku hari ini, penutur jati bahasa Melayu tidak menguasai bahasanya sendiri begitu juga murid-murid lain yang bukan penutur jati melakukan kesalahan yang sama walaupun bahasa Melayu sudah diangkat menjadi bahasa rasmi negara sejak merdeka pada tahun 1957. Memang agak janggal kita melihat sebilangan murid kurang menguasai bahasa Melayu khususnya murid yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini menyebabkan murid berkenaan gagal menyempurnakan tugas, tidak menunjukkan motivasi dan akhirnya gagal dalam peperiksaan yang mereka duduki sama ada yang dijalankan oleh pihak sekolah mahupun peperiksaan awam. Kegagalan ini sebahagiannya berpunca daripada kurang tumpuan diberikan terhadap analisis kesalahan kerja murid yang tegar dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka kerana penekanan lebih kepada pembelajaran berfokus peperiksaan dan pencapaian akademik semata-mata. Impaknya, murid yang tidak menguasai bahasa Melayu terus ketinggalan dalam proses pembelajaran di sekolah. Analisis kesalahan hasil kerja murid sering kali diabaikan dan dianggap tidak penting bagi kebanyakan sekolah. Banyak kajian telah dijalankan sebelum ini tetapi tumpuan lebih kepada penutur jati. Antaranya, Md Daud (1992), Muhammad Salehudin (1993), Ahmad Shahril (1996) dan Nor Asmah (2009) terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Bagi murid-murid yang bukan penutur jati bahasa Melayu terutamanya di daerah Asajaya, Sarawak, pula masih kurang kajian dijalankan untuk menganalisis kesalahan bahasa mereka. Antara kajian yang telah dijalankan ialah Mat Daud Yusuf (1989), mengatakan bahawa murid-murid yang kuat pengaruh dialek daerah melakukan kesalahan yang lebih tinggi berbanding dengan murid-murid yang tidak begitu kuat dipengaruhi dialek (Supian bin Mohamad, 1994). Manakala, Nor Aina Dani (1996), pula mengatakan murid-murid yang kurang terdedah kepada bahasa kedua banyak melakukan kesalahan dalam bahasa kedua kerana dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Implikasinya, dialek daerah dan bahasa ibunda berperanan besar sebagai pengganggu murid menguasai bahasa kedua menyebabkan mereka melakukan kesilapan penggunaan bahasa terutama dalam aspek pertuturan dan aspek penulisan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesalahan yang berlaku dalam aspek tatabahasa murid Bangsa Melayu etnik Sarawak yang bukan penutur jati Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Asajaya, Samarahan, Sarawak. Dapatan analisis kesalahan ini dijangka mampu memberi gambaran sebenar permasalahan murid dalam aspek tatabahasa, seterusnya boleh dijadikan panduan untuk mencari kaedah terbaik memperbaiki kelemahan murid dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu. Kecemerlangan murid adalah berpunca daripada pengesanan awal titik kelemahan, kemudian mengatasi kelemahan tersebut dan seterusnya berubah menjadi positif, bermotivasi dan berdaya maju, seimbang dan harmonis selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam menyediakan modal insan yang cemerlang.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan morfologi murid dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam pembelajaran bahasa Melayu. Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesalahan dalam ujian penilaian khas bahasa Melayu yang melibatkan pemilihan kata seperti kata ganti nama, kata adjektif, kata majmuk, kata sendi nama dan kata pemerri. Kajian ini bertumpu kepada analisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid bangsa Melayu Sarawak yang bukan penutur jati Bahasa Melayu. Penekanan analisis kesalahan dibahagikan kepada lima aspek morfologi, iaitu kesalahan kata ganti nama, kesalahan kata adjektif, kesalahan kata majmuk, kesalahan kata sendi dan kesalahan kata pemerri. Kajian secara mendalam tentang kelemahan penguasaan bahasa ini adalah perlu untuk membantu memupuk penggunaan bahasa Melayu yang betul dan baku murid Melayu Sarawak yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Kajian ini juga diharap dapat memberi penjelasan tentang kesalahan penggunaan bahasa Melayu yang sering dilakukan oleh murid bangsa Melayu Sarawak pada peringkat menengah rendah. Di samping itu, kajian ini akan meneliti punca-punca yang mempengaruhi kelemahan penguasaan morfologi dalam kalangan murid di sekolah yang dikaji. Oleh sebab itu, hasil kajian ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada murid yang terlibat, tetapi juga guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu.

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kes. Gay dan Airasian (2003) menjelaskan bahawa populasi adalah kumpulan sasaran dan sampel kajian adalah responden-responden yang dipilih untuk mewakili populasi. Menurut Sidek Noah (2002), populasi ialah semua kes atau subjek yang kita minat untuk mengkajinya. Pensampelan pula adalah cabutan subjek daripada satu populasi. Dalam kajian kes ini, bilangan sampel dalam kumpulan yang dikaji ialah 100 orang murid menengah rendah daripada pelbagai aras kebolehan dan terdiri daripada 40 orang lelaki dan 60 orang perempuan. Sampel yang dipilih berketurunan Melayu Sarawak yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Asajaya. Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar yang dikelilingi perkampungan Melayu. Sebahagian besar murid terdiri daripada kaum Melayu diikuti kaum Iban dan Cina yang bahasa perhubungan yang digunakan ialah bahasa Melayu Sarawak atau dialek Melayu Sarawak. Kaum Iban dengan bahasa ibannya dan Cina dengan bahasa atau dialek cinanya. Tempat kajian ini dipilih kerana dapat memenuhi syarat dan keperluan kajian. Murid kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik dan kaedah ke perpustakaan. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan penelitian untuk mengenal pasti kelemahan morfologi yang berlaku dalam ujian progresif, peperiksaan penggal pertama dan peperiksaan akhir tahun dalam peperiksaan ini untuk membina alatan kajian. Seterusnya, pengkaji menemu bual guru bahasa Melayu yang mengajar kelas berkenaan untuk mengetahui pendapat dan pandangannya berkaitan sampel dan alatan kajian secara tidak formal sewaktu berada di bilik guru. Pengkaji juga menyediakan 100 borang soal selidik yang perlu diisi oleh murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang akan menjadi responden terhadap kajian yang akan dilakukan. Soal selidik ini juga perlu untuk mendapatkan maklumat yang mempunyai hubungan kait dengan penguasaan bahasa murid nanti. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah ke perpustakaan bagi mengumpul data-data yang berkaitan dengan kajian-kajian terdahulu. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan, Asajaya. Lokasi sekolah ini terletak di daerah Asajaya, bahagian Samarahan, Sarawak dengan jarak kira-kira 70 kilometer dari Bandaraya Kuching.

Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar yang dikelilingi perkampungan orang Melayu. Sebahagian besar pelajar terdiri daripada kaum Melayu diikuti Iban dan Cina. Bahasa perhubungan yang digunakan ialah bahasa Melayu Sarawak atau dialek Melayu Sarawak. Kaum Iban dengan bahasa Iban nya dan kaum Cina dengan bahasa atau dialek Cinanya. Tempat

kajian ini dipilih kerana dapat memenuhi syarat dan keperluan kajian. Murid bangsa Melayu Sarawak sebagai subjek kajian terdapat di sekolah ini dan menyumbang kepada kenaikan atau penurunan prestasi sekolah dalam peperiksaan awam, iaitu PT3 dan Peperiksaan SPM. Data pula dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik dan ke perpustakaan untuk mengenal pasti kelemahan morfologi yang berlaku. Ujian penilaian khas ini dibangunkan sejajar dengan persoalan kajian dan objektif kajian, iaitu mengenal pasti penggunaan kata ganti nama, kata adjektif, kata majmuk, kata sendi dan kata pemer. Ujian ini mengandungi lima soalan dan setiap satu soalan mengandungi 10 item penyualan yang perlu dijawab oleh murid. Ini bermakna murid perlu menjawab 50 item penyualan bagi melengkapkan satu set kajian kes ini. Keadah pemerhatian dilakukan ketika responden menjawab soalan-soalan yang diajukan. Data yang diperoleh melalui ujian penilaian khas dianalisis dan disusun mengikut urutan objektif kajian dan data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25, dipaparkan dalam bentuk jadual kekerapan, peratusan dan graf bar mudah. Penganalisan dibuat untuk setiap kesalahan yang dilakukan bagi melihat penguasaan morfologi murid Melayu etnik Sarawak pada peringkat menengah rendah. Kekerapan kesalahan yang paling banyak, dianalisis dan dibincangkan secara mendalam untuk mengetahui punca kelemahan murid.

## **5.0 DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini mengariskan beberapa persoalan iaitu:

1. Apakah bahasa pertuturan yang digunakan oleh murid Bangsa Melayu Sarawak ketika berhubung dengan pihak lain dalam situasi formal atau tidak formal.
2. Apakah kesalahan-kesalahan morfologi yang dilakukan oleh Murid Bangsa Melayu dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua

### **5.1 Demografi Respdnen**

Responden adalah terdiri daripada 100 orang dalam kalangan murid-murid menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Asajaya. Latar belakang responden ini adalah terdiri jantina, bahasa pertuturan dan penggunaan bahasa. Berdasarkan data yang diperoleh didapati bahawa sejumlah 40 orang atau 40 peratus yang terlibat dalam kajian ini lelaki dan sejumlah 60 orang atau 60 peratus adalah perempuan. Ini menunjukkan bahawa jantina perempuan adalah lebih tinggi daripada jantina lelaki.

### 5.1.1 Bahasa pertuturan ketika berhubung dengan pihak lain dalam situasi formal atau tidak formal.

Dalam Jadual 1, bilangan responden berdasarkan bahasa pertuturan yang digunakan semasa berhubung dengan rakan sekolah menunjukkan 33 orang atau 33 peratus bertutur menggunakan bahasa Melayu Sarawak dialek setempat diikuti dengan bahasa Melayu Standard sepenuhnya seramai 9 orang atau 9 peratus. Manakala responden yang bertutur menggunakan bahasa pasar atau bahasa basahan adalah 49 orang atau 49 peratus. Ini diikuti dengan responden bertutur menggunakan bahasa Inggeris adalah sebanyak 9 orang atau 9 peratus. Ini menunjukkan responden yang bertutur menggunakan bahasa pasar atau bahasa basahan mencatatkan bilangan yang paling tinggi manakala yang bertutur bahasa Melayu standard sepenuhnya dan bahasa Inggeris adalah bilangan yang paling rendah.

**Jadual 1.** Bilangan responden berdasarkan bahasa pertuturan yang digunakan semasa berhubung dengan rakan sekolah

<b>Bahasa pertuturan yang digunakan semasa berhubung dengan rakan sekolah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
bahasa Melayu Sarawak dialek setempat	33	33.0
bahasa Melayu standard	9	9.0
bahasa pasar/ basahan sepenuhnya	49	49.0
bahasa Inggeris	9	9.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 2 menunjukkan bilangan responden berdasarkan bahasa pertuturan yang digunakan semasa berhubung dengan pihak sekolah. Terdapat 83 orang atau 83 peratus bertutur menggunakan bahasa Melayu Sarawak dialek setempat diikuti dengan bahasa pasar atau bahasa basahan sepenuhnya seramai 11 orang atau 11peratus. Manakala responden yang bertutur menggunakan bahasa Melayu Standard dan bahasa Inggeris ketika berhubung dengan pihak sekolah adalah 3 orang atau 3 peratus. Ini menunjukkan responden yang bertutur bahasa Melayu dialek Sarawak mencatatkan bilangan yang paling tinggi manakala yang bertutur bahasa Melayu standard sepenuhnya dan bahasa Inggeris adalah bilangan yang paling rendah.

**Jadual 2.** Bilangan responden berdasarkan bahasa pertuturan yang digunakan semasa berhubung dengan rakan sekolah

<b>Bahasa pertuturan yang digunakan berhubung dengan pihak sekolah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
bahasa Melayu Sarawak dialek setempat	83	83.0
bahasa pasar / basahan sepenuhnya	11	11.0
bahasa Melayu Standard	3	3.0
bahasa Melayu Inggeris	3	3.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 3 menunjukkan bilangan responden berdasarkan bahasa pertuturan yang digunakan semasa di rumah. Berdasarkan data yang diperoleh terdapat 6 orang atau 6 peratus bertutur

Bahasa Melayu Standard diikuti dengan Bahasa Melayu dialek setempat sepenuhnya seramai 73 orang atau 73 peratus. Manakala responden yang bertutur Bahasa Melayu Inggeris mencatatkan 9 orang atau 9 peratus dan diikuti dengan Bahasa pasar atau bahasa basahan adalah 12 orang atau 12 peratus. Ini menunjukkan responden yang bertutur Bahasa Melayu dialek Sarawak sepenuhnya mencatatkan bilangan yang paling tinggi manakala yang bertutur Bahasa Inggeris adalah bilangan yang paling rendah.

**Jadual 3. Bilangan responden berdasarkan bahasa pertuturan yang digunakan semasa di rumah**

Bahasa pertuturan yang digunakan semasa di rumah	Kekerapan	Peratus
bahasa Melayu Standard	6	6.0
bahasa Melayu dialek setempat	73	73.0
bahasa Melayu Inggeris	9	9.0
bahasa Pasar/bahasan	12	12.0
Jumlah	100	100.0

Jadual 4 menunjukkan bilangan responden berdasarkan keselesaan bertutur. Terdapat 21 orang atau 21 peratus selesa bertutur menggunakan Bahasa pasar atau bahasa basahan diikuti dengan Bahasa Melayu Sarawak dialek setempat sepenuhnya seramai 67 orang atau 67 peratus. Responden yang selesa bertutur Bahasa Melayu Standard mencatatkan 9 orang atau 9 peratus dan diikuti dengan Bahasa Inggeris adalah 3 orang atau 3 peratus. Ini menunjukkan responden yang selesa bertutur Bahasa Melayu Sarawak dialek setempat sepenuhnya mencatatkan bilangan yang paling tinggi manakala yang selesa bertutur Bahasa Inggeris adalah bilangan yang paling rendah.

**Jadual Error! No text of specified style in document.. Bilangan responden berdasarkan Keselesaan Bertutur**

Keselesaan Bertutur	Kekerapan	Peratus
bahasa pasar/basahan	21	21.0
bahasa Melayu Sarawak dialek Setempat	67	67.0
bahasa Melayu Standard	9	9.0
bahasa Inggeris	3	3.0
Jumlah	100	100.0

### 5.1.2 Kesalahan-Kesalahan dalam ujian penilaian khas bahasa Melayu yang melibatkan pemilihan kata

Terdapat kesalahan dalam ujian penilaian khas Bahasa Melayu yang melibatkan pemilihan kata. Antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan pelajar adalah berkaitan kata ganti nama, kata adjektif, kata majmuk, kata sendi dan kata majmuk. Setiap kesalahan ini dikenal pasti oleh kalangan pelajar.

### Kata Ganti Nama

Jadual 5 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam kata ganti nama. Responden adalah betul dalam menjawab soalan 2 iaitu seramai 84 orang atau 84 peratus dan diikuti dengan soalan 8 iaitu seramai 74 orang atau 74 peratus. Manakala minoriti responden betul menunjukkan soalan 9 mencatatkan 31 orang atau 30 peratus dan diikuti dengan soalan 10 seramai 50 orang atau 50 peratus.

**Jadual 5.** Kesalahan Kata Ganti Nama

Soalan Kata Ganti Nama	Betul	Salah
Soalan 1	64 (64%)	36 (36%)
Soalan 2	84 (84%)	16 (16%)
Soalan 3	52 (52%)	48 (48%)
Soalan 4	62 (62%)	38 (38%)
Soalan 5	63 (63%)	37 (37%)
Soalan 6	64 (64%)	36 (36%)
Soalan 7	69 (69%)	31 (31%)
Soalan 8	74 (74%)	26 (26%)
Soalan 9	31 (31%)	69 (69%)
Soalan 10	50 (50%)	50 (50%)

### Kata Adjektif

Jadual 6 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam kata adjektif. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, menunjukkan majoriti responden adalah betul dalam menjawab soalan 4 iaitu seramai 87 orang atau 87 peratus dan diikuti dengan soalan 6 iaitu seramai 82 orang atau 82 peratus. Manakala minoriti responden betul menunjukkan soalan 8 mencatatkan 36 orang atau 36 peratus dan diikuti dengan soalan 3 seramai 57 orang atau 57 peratus.

**Jadual 6.** Kesalahan Kata Adjektif

<b>Soalan Kata Adjektif</b>	<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
Soalan 1	77 (77%)	23 (23%)
Soalan 2	81 (81%)	19 (19%)
Soalan 3	57 (57%)	43 (43%)
Soalan 4	87 (87%)	13 (13%)
Soalan 5	80 (80%)	20 (20%)
Soalan 6	82 (82%)	18 (18%)
Soalan 7	75 (75%)	25 (25%)
Soalan 8	36 (36%)	64 (64%)
Soalan 9	68 (68%)	32 (32%)
Soalan 10	79 (79%)	21 (21%)

### **Kata Majmuk**

Jadual 7 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam kata majmuk. Majoriti responden adalah betul dalam menjawab soalan 1 iaitu seramai 81 orang atau 81 peratus dan diikuti dengan soalan 8 iaitu seramai 80 orang atau 80 peratus. Manakala minoriti responden betul menunjukkan soalan 3 mencatatkan 15 orang atau 15 peratus dan diikuti dengan soalan 2 seramai 44 orang atau 44 peratus.



**Jadual 7.** Kesalahan Kata Majmuk

<b>Soalan Kata Majmuk</b>	<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
Soalan 1	81 (81%)	19 (19%)
Soalan 2	44 (44%)	56 (56%)
Soalan 3	15 (15%)	85 (85%)
Soalan 4	78 (78%)	22 (22%)
Soalan 5	66 (66%)	34 (34%)
Soalan 6	68 (68%)	32 (32%)
Soalan 7	71 (71%)	29 (29%)
Soalan 8	80 (80%)	20 (20%)
Soalan 9	56 (56%)	44 (44%)
Soalan 10	75 (75%)	25 (25%)

**Kata Sendi Nama**

Jadual 8 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam kata sendi. Majoriti responden adalah betul dalam menjawab soalan 8 iaitu seramai 71 orang atau 71 peratus dan diikuti dengan soalan 4 iaitu seramai 63 orang atau 63 peratus. Manakala minoriti responden betul menunjukkan soalan 3 mencatatkan 16 orang atau 16 peratus dan diikuti dengan soalan 6 seramai 33 orang atau 33 peratus.

**Jadual 8.** Kesalahan Kata Sendi

<b>Soalan Kata Sendi</b>	<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
Soalan 1	45 (45%)	55 (55%)
Soalan 2	51 (51%)	49 (49%)
Soalan 3	16 (16%)	84 (84%)
Soalan 4	63 (63%)	37 (37%)
Soalan 5	60 (60%)	40 (40%)
Soalan 6	33 (33%)	67 (67%)
Soalan 7	43 (43%)	57 (57%)
Soalan 8	71 (71%)	29 (29%)
Soalan 9	48 (48%)	52 (52%)
Soalan 10	43 (43%)	57 (57%)

**Kata Pemer**

Jadual 9 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam kata pemer. Majoriti responden adalah betul dalam menjawab soalan 9 iaitu seramai 68 orang atau 68 peratus dan diikuti dengan soalan 6 iaitu seramai 61 orang atau 61 peratus. Manakala minoriti responden betul menunjukkan soalan 1 mencatatkan 41 orang atau 41 peratus dan diikuti dengan soalan 2 seramai 47 orang atau 47 peratus.

**Jadual 9.** Kesalahan Kata Sendi Nama

<b>Soalan Kata Pemer</b>	<b>Betul</b>	<b>Salah</b>
Soalan 1	41 (41%)	59 (59%)
Soalan 2	47 (47%)	53 (53%)
Soalan 3	46 (46%)	54 (54%)
Soalan 4	59 (59%)	41 (41%)
Soalan 5	58 (58%)	42 (42%)
Soalan 6	61 (61%)	39 (39%)
Soalan 7	39 (39%)	61 (61%)
Soalan 8	52 (52%)	48 (48%)
Soalan 9	68 (68%)	32 (32%)
Soalan 10	60 (60%)	40 (40%)

## 6.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa murid bangsa Melayu Sarawak sememangnya kerap melakukan kesalahan bahasa dalam aspek yang dikaji berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi setelah pengkaji menganalisis ujian penilaian khas yang telah digunakan sebagai instrumen kajian ini. Zamri dan Mohamed Amin (2005) dalam kajian mereka mendapati bahawa faktor sikap penyumbang kepada kemerosotan pencapaian murid dalam bahasa Melayu. Zamri dan Mohamed Amin Embi (2006) juga mendapati murid bukan Melayu mempunyai sikap negatif dan kurang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu dalam kajian mereka. Namun begitu, Jerie dan Zamri (2010) membuktikan murid iban di daerah Kanowit, Sarawak mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi sewaktu mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian oleh Abdul Rasid Jamian (2010) mendapati murid Cina mempelajari bahasa Melayu atas sebab bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang diwajibkan. Sekiranya mata pelajaran bahasa Melayu tidak diwajibkan, kemungkinan mereka tidak akan mempelajari bahasa Melayu kerana mereka merasakan bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran yang susah. Nancy dan Zamri Mahamod (2016), membuktikan murid-murid Melanau mempunyai sikap yang positif dan motivasi tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Dapatlah disimpulkan kesalahan dalam mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan murid bangsa Melayu Sarawak masih wujud walaupun murid telah diajar oleh guru yang berpengalaman dan berketerampilan dalam peringkat menengah rendah. Kekekapan kesalahan dalam aspek morfologi yang agak tinggi ini menggambarkan kelemahan penguasaan bahasa

Melayu. Kesalahan yang berulang-ulang tanpa pembetulan mewujudkan masalah berterusan hingga ke peringkat yang lebih tinggi jika tidak diatasi secara total. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terbatas kepada dapatan yang berdasarkan sampel yang berkaitan dan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama. Diharap kajian ini dapat memberi input dalam penyelidikan selanjutnya dan dunia pendidikan khususnya.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1987. *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional
- Abu Bakar Nordin. 1991. *Jurnal Pendidikan (KPM): Pola-pola Pengajaran-pembelajaran dan Pengaruh Terhadap Pembelajaran*.
- Ahmad Shahril Bin Rajain. 1996. *Analisis Kesalahan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Enam di Sekolah Menengah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azahari Bin Abdullah. 2001. *Analisis Kesalahan Morfologi Dalam Penulisan Karangan di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Kinta, Ipoh Perak Darul Ridzuan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Fa'izah Abd Manan, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. 2010. Kerangka Pembangunan dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2),
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. 1981. *Pengaruh Bahasa Daerah Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar-pelajar Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halimah Hj. Ahmad. 1993. Analisis Kesilapan: Satu Kajian Kes Kesilapan Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Mac 1993, halaman 243-253.
- Hamdan Abdul Rahman. 1980. "Pengajaran Tatabahasa: Hakikat Yang Wujud di Sekolah - Sekolah" dlm. *Dewan Bahasa* Jilid 24 (6) Jun: 35- 48.
- Jais Sahok. 1990. "Tinjauan Kesalahan Penggunaan Bahasa di Kalangan Pelajar" dlm. *Dewan Bahasa* Jilid 34 (3) Februari: 189:200.
- Jerie Anak Peter Langan dan Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan Motivasi Murid Iban Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 13, Vol. 1, Bil. 1 (Mei 2011):
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2014. *Tatabahasa Dewan. Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Asmah Abd. Aziz. 2009. *Penggunaan Kata Hubung Bahasa Malaysia Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Analisis Kesilapan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Norehan Muhamad. 2009. *Analisis Kesilapan: Satu Kajian Terhadap Karangan Murid-Murid Orang Asli*. *Jurnal Penyelidikan DEDIKASI*, 1 (Dis), 119-136.
- Norizan Binti Che Su. 2009. *Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Rosli Mahmood. 2002. *Teknologi Sebagai Pengupaya Dalam Pelaksanaan Sekolah Bestari dan Pengurusan Pembelajaran Bestari*. *Jurnal Akademik*, Jilid 9, Kota Baru: Maktab Perguruan Kota Baru.
- Rosalind Gelunu. 2009. "Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Penulisan Karangan Pelajar Peribumi Sabah" dlm *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Dunia*, 28-30 September 2009
- Siti Baidura Binti Kasiran dan Nurul Jamilah Binti Rosly. 2004. *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Karangan Pelajar Asing*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

## Biodata Ringkas Penulis

**Jamayah Bujang** seorang guru bahasa Melayu yang bertugas di salah sebuah sekolah rendah di daerah Asajaya, Sarawak. Mempunyai pengalaman mengajar selama 23 tahun. Kini, sedang menyambung pengajian sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah program PKP.